



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2024**  
**Tingkatan 5**  
**BAHASA MELAYU**  
**Peraturan Pemarkahan**  
**Kertas 2**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

**Markah penuh : 100 markah**

### **BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **11** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **6** markah

#### **Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata nama **kata majmuk mantap** yang betul
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata majmuk mantap tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata majmuk mantap telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata majmuk mantap salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata majmuk mantap yang ditambah, digugurkan atau ditukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
8. Kata majmuk mantap digunakan sebagai kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
9. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
10. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
11. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

#### **Soalan 1 – Morfologi**

##### **(i) suruhanjaya**

- badan yg terdiri drpd beberapa orang (yg dilantik oleh kerajaan dll) utk melakukan tugas tertentu; ~ bebas badan yg ditubuhkan oleh kerajaan atau Parlimen yg dianggotai oleh orang yg bukan pegawai kerajaan; Suruhanjaya Diraja badan yg ditubuhkan dgn perkenan Yang di-Pertuan Agong utk menyiasat sesuatu perkara, peristiwa dsb secara bebas tanpa pengaruh pihak atasannya; Suruhanjaya Perkhidmatan Awam badan yg bertanggungjawab dim urusan pengambilan, kenaikan pangkat dsb utk kakitangan kerajaan; Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan badan yg bertanggungjawab dim urusan pengambilan, kenaikan pangkat dsb utk pegawai pendidikan; Suruhanjaya Pilihan Raya badan yg mentadbirkan pilihan raya; Suruhanjaya Sekuriti (Eko) badan berkanun yg mengawasi pertumbuhan dan perjalanan pasaran modal di Malaysia. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**(ii) kakitangan**

- pekerja (pejabat, syarikat, dll) pembantu ( yang turut melaksanakan atau mengurus kerja) – Kamus Dewan Edisi Keempat

**(iii) tanggungjawab**

- Kewajipan yang dipikul oleh seseorang, segala yang wajib ditanggung ( Kamus Dewan Edisi Keempat)

**(iv) kerjasama**

1. kerja (usaha dsb) bersama-sama atau saling membantu (antara dua atau beberapa pihak), gotong-royong: ~ antara semua pihak yg terlibat amat perlu utk menjayakan projek ini;
2. sumbangan pelbagai rupa (bersifat bantuan tenaga, sokongan, persefahaman, dll) dr satu pihak kpd pihak yg lain utk faedah bersama: jabatan itu dapat bergerak dgn licin hanya jika ada - dr pihak orang ramai; seseorang ketua memerlukan - drpd orang-orang bawahannya supaya segala yg diselenggarakan berhasil; syarikat-syarikat yg dikendalikan bersama oleh ahli- ahlinya (dgn cara saling membantu, menyumbang, dsb) utk faedah bersama; bekerjasama bekerja (berbuat sesuatu) bersama-sama atau dgn cara saling membantu (menyumbang dsb), bergotong-royong: mereka tidak dapat membuat satu-satu kerja dgn sempurna kalau tidak dgn ~. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**[Maksimum : 8 markah]**

## Soalan 2 – Sintaksis

### Subjek dan predikat

**Subjek:** Negara kita (1m)

**Predikat:** mempunyai pelbagai kaum dan perayaan. (1m)

**Subjek:** Penganjuran rumah terbuka (1m)

**Predikat:** dapat merapatkan hubungan masyarakat pelbagai kaum. (1m)

**Subjek:** Pelancong asing (1m)

**Predikat:** tertarik dengan amalan rumah terbuka di negara kita. (1m)

**[Maksimum : 6 markah]**

**Soalan 3 – Penyuntingan**  
**Bahan 1**

dari	daripada
maklumat	makluman
memandu	menunggang
Simpan	Parkir/Letak
komitment	komitmen
kerja sama	kerjasama

**Bahan 2**

television	televisyen
penghawa dingin	pendingin hawa
kita	kami
cabut	cabutan
risit	resit

**[Maksimum: 11 markah]**

- Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan
- Tulis pembetulan tanpa menyenaraikan kesalahan – 0 m

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah	G - gugur K- kekal T-tukar
	4	
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4	
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	3	
- Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2	
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	1	
- Isi <b>tidak</b> cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	0	
- Ayat disalin bulat-bulat	0	
- Isi <b>tidak</b> mengikut urutan	0	

#### Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Setelah hari malam, Kertala Sari masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan bunyi leming serta perisai bergemeretak/yang sangat kuat. Kertala Sari membaca manteranya/jampinya lalu berjalan di tengah-tengah orang ramai kemudian masuk ke rumah Bendahara. Dia mencuri harta yang berharga/ bernilai lalu dibawanya pulang.

[Maksimum : 4 markah]

#### Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa berdasarkan situasi.

- (i) Bagai isi dengan kuku
- (ii) Bagai aur dengan tebing
- (iii) Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing

[Maksimum: 6 markah]

**Nota:** Jawapan mesti mengikut situasi/urutan.

[Lihat halaman sebelah

### BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

#### **Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

#### **Panduan pemarkahan soalan pemahaman**

##### **1. Soalan 2 markah : Pemahaman berdasarkan teks**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

##### **2. Soalan 3 markah : Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis.	3
- Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis.	2
- Isi <b>tidak</b> cukup / menyentuh semua bahan / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup / tidak menyentuh semua bahan	1
- Jawapan salah	0

##### **3. Soalan 4 markah : Pemahaman unsur KBAT dan novel**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> cukup (2 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	2
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat gramatis	1
- Isi <b>tidak</b> cukup (1 isi) / ayat <i>kurang</i> gramatis	
- Jawapan salah	0

[Lihat halaman sebelah]

Soalan 6	Markah
----------	--------

(i) Maksud rangkai kata *lebih parah*

- bertambah/kian/makin/ teruk/susah/sukar 2
- *lebih*/teruk/susah/sukar 1
- bertambah/kian/makin/ parah 1

(ii) **Usaha kerajaan memulihkan sektor pelancongan:**

**Bahan 1**

- P1 memperuntukkan lebih RM200 juta menerusi Pelan Stimulus Pelancongan
- P2 melaksanakan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H)
- P3 menganjurkan persidangan pelancongan dan pameran (MICE)

**Bahan 2**

- P4 Rancangan Jangka Panjang, Rancangan Lima Tahun Malaysia,
- P5- Program Transformasi Ekonomi (ETP).
- P6 - Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

(iii) **Cabaran-cabaran memajukan sektor pelancongan negara:**

- P1 ketidakstabilan politik negara akan menjaskan imej negara
  - P2 pencemaran alam sekitar yang tidak terkawal terutama di kawasan tumpuan pelancong
  - P3 persaingan industri pelancongan dengan negara lain
  - P4 kejatuhan nilai ringgit mengganggu kelancaran tukaran wang asing
  - P5 ancaman pengganas mengganggu keselamatan di kawasan tarikan pelancongan
  - P6 masyarakat tidak memberikan kerjasama untuk menyokong usaha kerajaan
  - P7 masyarakat melakukan vandalisme sehingga merosakkan kemudahan sedia ada
  - P8 kekurangan modal untuk melengkapkan prasarana
- (Cabaran lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**  
**[Isi cukup : 2 isi]**

(iv) **Tindakan rakan saya supaya terhindar daripada sebarang penipuan semasa melancong:**

- P1 mencari maklumat yang tepat daripada media
  - P2 bertanyakan kenalan yang pernah melancong / tinggal di negara tersebut
  - P3 tidak berjalan sendirian
  - P4 membuat perbandingan harga ketika membeli sesuatu barang
  - P5 tidak menggunakan kad kredit
  - P6 menawarkan harga sebelum membeli barang
- (Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**  
**[Isi cukup : 3 isi]**

[Lihat halaman sebelah

**Soalan 7**

- (i) **Maksud ‘Berguru kepalang ajar, Ibarat bunga kembang tak jadi’**  
 - Berguru kepalang ajar, Ibarat bunga kembang tak jadi ialah ilmu yang dituntut tidak sempurna, tidak ada faedahnya. 2m

**[Maksimum : 2 markah]**

- (ii) **Peranan-peranan seorang guru dalam mendidik anak bangsanya:**

**Bahan 1**

- P1 mencerahkan ilmu kepada pelajar
- P2 memberikan nasihat
- P3 mengajar murid dengan penuh kesabaran
- P4 rela menjalankan tugas di mana saja ditempatkan

**Bahan 2**

- P5 mengadakan program bersama ibu bapa
- P6 mengadakan lawatan ke rumah murid
- P7 melaksanakan kelas bimbingan

**Bahan 3**

- P8 rela bertugas di pedalaman
- P9 guru mengajar murid kemahiran mendengar
- P10 guru menjana budaya ilmu kepada murid

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan  
 Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi**

**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup: 3 isi]**

- (iii) **Cara-cara pelajar menghargai jasa dan pengorbanan guru:**

- P1 bertanya khabar
  - P2 menziarahi guru
  - P3 mendoakan kesejahteraan guru
  - P4 sentiasa menjaga adab ketika berjumpa guru
  - P5 mencapai kecemerlangan dalam kerjaya dan kehidupan
  - P6 memperingati hari kelahiran guru
- (Cara lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]**

- (iv) **Usaha-usaha yang anda lakukan untuk memastikan pelajar tersebut hadir ke sekolah dan bersedia menduduki peperiksaan SPM:**

- P1 mengadakan lawatan ziarah cakna ke rumah pelajar
  - P2 menasihati pelajar
  - P3 meminta bantuan guru kaunseling
  - P4 mengadukan hal tersebut kepada pihak pentadbir sekolah
  - P5 berjumpa dengan ibu bapa pelajar
  - P6 mengadakan kelas bimbingan khas kepada pelajar/latih tubi menjawab soalan
- (Usaha lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup: 3 isi]****[Lihat halaman sebelah**

**Soalan 8**

(i)

<b>Sebab-sebab Embong mahu segera pulang ke rumah</b>	
P1	Embong mahu bekerja
P2	Embong mahu melihat rumah
P3	Embong mahu menjaga anak-anaknya
P4	Keinginan Embong untuk pergi ke kebun meluap-luap
<b>[Maksimum : 4 markah]</b>	

**[Maksimum : 4 markah]**  
**[Isi cukup : 3 isi]**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)****(ii) Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul
- (d) Beri 1 markah bagi peristiwa/huraian/contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/huraian)
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh  
 Baik : 2 markah  
 Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor****Peristiwa:**

Peristiwa penanaman implan dan mikrocip pada tubuh Farisha yang masih bayi tanpa dibius oleh Karl yang merupakan bapanya sendiri. Karl sanggup menjadikan anaknya sebagai bahan uji kaji. Perkara ini dilakukan untuk menjadikan Farisha seorang yang genius atau bijak. (P1)

**Huraian:**

Peristiwa ini menyentuh perasaan/hati pembaca kerana pembaca berasa kasihan terhadap Farisha yang telah dijadikan alat uji kaji oleh bapanya sendiri demi memenuhi kepentingan dirinya. (H1)

**Peristiwa:**

Peristiwa Azraai telah menyimpan rahsia bahawa Farisha hanya merupakan anak angkat sahaja dalam keluarganya dengan baik seperti yang diamanahkan oleh ibu bapanya. Rahsia ini hanya diberitahu kepada Farisha apabila Azraai menghadapi masalah jantung dan bimbang akan berlaku sesuatu perkara yang tidak dijangka. (P1)

**Huraian:**

Peristiwa ini menyentuh perasaan/hati pembaca apabila membacanya kerana pembaca berasa kagum dengan sikap amanah yang ditunjukkan oleh Azraai dalam menyimpan rahsia(H1)

**Silir Daksina karya Nizar Parman****Peristiwa:**

Peristiwa Umi yang berterus terang kepada Haiqal yang ketika itu baru berumur tujuh tahun bahawa Abdul Fatah (Walid) bukan merupakan bapanya yang sebenar Bapanya yang sebenar ialah Abdullah bin Kayan (P1)

**Huraian:**

Peristiwa ini menyentuh perasaan/hati pembaca apabila membacanya kerana pembaca berasa terkejut kerana menyangka Abdul Fatah merupakan bapa kandung Haiqal yang sebenar selama ini.(H1)

**Peristiwa:**

Peristiwa Haiqal yang mengambil keputusan untuk pergi ke Kampung Seri Purnama bagi menjelaki kisah hidup ayahnya Abdullah bin Kayan. Umi tidak bersetuju dan mengugut tidak akan memberi sebarang wang perbelanjaan sepanjang Haiqal di sana. (P1)

**Huraian:**

Peristiwa ini menyentuh perasaan/hati pembaca apabila membacanya kerana pembaca berasa kasihan akan nasib Haiqal kerana hasratnya itu tidak mendapat sokongan daripada Uminya.(H1)

- Terima peristiwa lain yang sesuai.

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**

[Lihat halaman sebelah]

**[30 markah]****Soalan 9**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

(a) Isi maksimum - **20 markah**

(b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana ( Selain itu, Di samping itu)

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan **2 markah** bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil **sekurang-kurang 1 isi** daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bil. Isi	Bilangan Isi Diterima					Markah Maksimum
Pendahuluan							<b>2</b>
<b>Isi Bahan 1</b>							
<b>Fokus 1</b> (Langkah/usaha/cara Mengamalkan diet seimbang)	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>2</b>		
<b>Isi Bahan 2</b>							
Fokus 2 (Langkah/usaha/cara mengamalkan diet seimbang)	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>2</b>		
(iii) Isi Bahan 1							
Fokus 2 Kebaikan/manfaat/faedah mengamalkan diet seimbang)	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>		
(iv) Isi Bahan 3							
Fokus 2 Kebaikan/manfaat/faedah mengamalkan diet seimbang)	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>2</b>	<b>1</b>		
Jumlah Isi	<b>11</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>	<b>8</b>		
(iv) Penutup/Kesimpulan							<b>2</b>
<b>JUMLAH</b>							<b>20</b>

**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	<b>8 – 10 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesinambungan ayat <i>sangat baik</i></li> <li>● Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>● Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>● Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Baik	<b>5 – 7 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesinambungan ayat baik</li> <li>● Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>● Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li> <li>● Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Sederhana	<b>3 – 4 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesinambungan ayat <i>kurang baik</i></li> <li>● Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>● Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li> <li>● Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Lemah	<b>1 – 2 markah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.</li> </ul>

**Nota:**

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas. Markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

**[Maksimum : 10 markah]**

[Lihat halaman sebelah

**Pendahuluan [2 markah]**

- P1 Rumusan membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara mengamalkan diet seimbang dan kebaikan/manfaat/kemaslahatan/kepentingan pengamalan diet kepada seseorang individu. 2
- P2 Rumusan membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara mengamalkan diet seimbang 1
- P3 Rumusan membincangkan kebaikan/manfaat/kemaslahatan/kepentingan pengamalan diet kepada seseorang individu 1

**Isi [16 markah]****Fokus 1 – Langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara mengamalkan diet seimbang****Bahan 1**

- A1 seseorang diwajibkan mengikut diet yang disarankan oleh pengamal perubatan 2
- A2 menghindari diri daripada mengamalkan diet yang tidak tepat dan berbahaya kepada kesihatan. 2
- A3 mempelbagaikan jenis makanan setiap hari berpandukan piramid makanan

**Bahan 2**

- B1 Makan buah-buahan dan sayur-sayuran 2
- B2 minum lapan gelas air atau dua liter air kosong sehari. 2

**FOKUS 2 - kebaikan/manfaat/kemaslahatan/kepentingan pengamalan diet kepada seseorang individu.****Bahan 1**

- C1 dapat membantu mengekalkan bentuk badan yang ideal malah berjaya memberikan kecantikan yang diidamkan 2
- C2 tubuh badan akan berada dalam keadaan sihat dan bebas dari sebarang penyakit berbahaya 2
- C3 membekalkan nutrien yang cukup kepada badan 2
- C4 merangsang otak untuk menjadi lebih proaktif dalam melaksanakan kerja seharian 2

**Bahan 3**

- D1 membantu mengurangkan risiko menghidap penyakit berbahaya 2
- D2 mampu mengawal obesiti 2

**Kesimpulan [2 markah]**

- K1 Kesimpulannya, diet seimbang perlu diamalkan dalam kehidupan supaya sihat dan cergas 2
- K2 Kesimpulannya, diet seimbang perlu diamalkan dalam kehidupan. 1